

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 15.01.2025 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN *NIBONG TEBAL FESTIVAL 2025*

TARIKH / MASA / TEMPAT

**18 JANUARI 2025 (SABTU)
5.30 PETANG**

**JALAN PASAR LAMA, NIBONG TEBAL
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Puan Fadhlina Binti Sidek
Menteri Pendidikan Malaysia Merangkap
Ahli Parlimen Nibong Tebal

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye
EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Puan Normairah Binti Abdul Rahman
Pengarah Pembangunan Lestari Merangkap
Penyelaras Majlis Perasmian Nibong Tebal Festival 2025

Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik Nibong Tebal Festival 2025

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang yang penuh bersejarah ini dalam **Majlis Perasmian Nibong Tebal Festival 2025** yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama Pusat Khidmat KADUN Jawi serta sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
2. Izinkan saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, yang sudi meluangkan masa untuk merasmikan *Nibong Tebal Festival 2025* ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat Tuan memberikan inspirasi dan semangat kepada kami untuk terus menjayakan aspirasi pembangunan negeri ini.
3. Seterusnya, ucapan terima kasih saya tujukan kepada Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal dan Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan

Negeri Jawi dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini.

4. Penganjuran *Nibong Tebal Festival* 2025 ini merupakan salah satu inisiatif utama MBSP untuk memangkin pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat serta merancakkan pembangunan semula bandar Nibong Tebal. Sebagai kesinambungan daripada kejayaan edisi sulung pada tahun 2024, festival ini berkonsepkan "*street art festival*" yang mempersembahkan keindahan seni, budaya dan warisan tempatan. Inisiatif ini juga seiring dengan matlamat MBSP untuk menjadikan Seberang Perai Selatan sebagai hab pembangunan ekonomi setempat atau *Local Economic Development (LED)*.
5. Saya yakin, *festival* ini akan menyatupadukan penggiat-penggiat seni tempatan dan antarabangsa dalam memperkuuhkan hubungan di antara pelbagai pihak dalam usaha mempromosikan Nibong Tebal kepada masyarakat luar. Selain itu, *Nibong Tebal Festival* 2025 menyajikan pelbagai pengisian serta persembahan acara tempatan dan antarabangsa secara PERCUMA, yang pastinya menjanjikan kelainan.
6. Sepanjang dua (2) hari berlangsungnya *festival* ini, pelbagai persembahan dan aktiviti telah disediakan kepada pengunjung. Antara persembahan yang disajikan kepada pengunjung adalah seperti Kisah Pulau Pinang oleh Ombak Potehi, *Drum Circle* oleh *The Colour of Sounds*, Persembahan Wayang Kulit oleh Wak Long *Music & Art*

Centre, Persembahan Tarian Singa oleh Hong Guan Academy, Persembahan Api oleh Koispinnfire, Persembahan Chingay oleh Persatuan Chingay Seberang Perai dan banyak lagi persembahan yang menarik. Selain itu, pelbagai aktiviti telah disediakan seperti menaiki beca, perpustakaan mini, melukis batik, bengkel *chinese calligraphy* dan banyak lagi aktiviti menarik untuk dinikmati oleh pengunjung.

7. Saya percaya, *Nibong Tebal Festival 2025* bukan sahaja menjadi platform untuk menyatupadukan rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat tetapi juga mampu menarik pelancong domestik dan antarabangsa. *Festival* ini melangkaui perbezaan latar belakang dan menyemarakkan kecintaan terhadap seni, budaya dan warisan yang menjadi identiti kita bersama.
8. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pusat Khidmat KADUN Jawi, agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, serta seluruh komuniti Seberang Perai Selatan atas usaha dan komitmen yang holistik dalam menjayakan *festival* ini. MBSP amat menghargai sokongan berterusan daripada semua pihak untuk memastikan Nibong Tebal terus berkembang sebagai sebuah bandar yang kaya dengan nilai seni, budaya dan warisan.
9. Saya berharap agar *Nibong Tebal Festival 2025* ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak kolaborasi kreatif dan inovatif pada

masa akan datang. Harapan saya juga adalah untuk melihat Nibong Tebal menjadi destinasi pilihan bukan sahaja untuk pelancongan seni dan budaya tetapi juga sebagai model pembangunan komuniti yang harmoni dan progresif. Semoga *festival* ini memberikan manfaat yang berpanjangan kepada masyarakat setempat dan membawa kebanggaan kepada seluruh warga Seberang Perai serta menjadi kenangan manis buat semua yang hadir.

10. Akhir kata, marilah kita bersama-sama memeriahkan *Nibong Tebal Festival 2025* ini dan memperkuatkannya permufakatan antara rakyat dengan MBSP demi merealisasikan visi “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow**”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.